

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Berita Harian, Malaysia
23 Jan 2013, by No author available

Didik, page 20 - 145.00 cm²
Malaysia - Malay Newspapers - circulation 160,597 (MTWTF)

ID 178764505

PAGE 1 of 1

Caltex taja RM120,000 laksana projek inovatif

Chevron Malaysia Ltd, pengendali stesen minyak jenama Caltex melancarkan kempen kemasyarakatan Caltex 'Fuel Your School' dengan peruntukan sehingga RM120,000 bagi meningkatkan kualiti pendidikan masyarakat.

Peruntukan bagi membiayai program pembelajaran bagi subjek Sains, Teknologi, Bahasa Inggeris dan Matematik (STEM) di sekolah di Pulau Pinang.

Kempen komuniti ini ialah kerjasama di antara Caltex dengan Yayasan MyKasih, memberi peluang guru melaksanakan projek inovatif membabitkan pelajar bagi mencapai kecemerlangan dalam mata pelajaran teras.

Caltex 'Fuel Your School' mendapat sokongan Kementerian Pelajaran, mengalui-alukan pendidik sepenuh masa dari sekolah rendah dan menengah seluruh negeri.

Masing-masing boleh menge-

mukakan cadangan projek yang memerlukan sumbangan dalam bentuk bahan dan dana sehingga RM5,000.

Pengerusi Chevron Malaysia, Encik Jeremy Oh, berkata projek komuniti bertujuan untuk menyokong usaha meningkatkan proses pembelajaran yang memerlukan bantuan susulan kejayaan projek realiti 'TV Driving Change with Caltex' tahun lalu.

Katanya, Caltex mengutamakan inovasi dan usaha ini bertujuan memberi galakan kepada pelajar supaya dapat berfikir secara inovatif.

Sementara itu, Pengarah Urusan Yayasan MyKasih, Dr Ngau Boon Keat, berkata program ini adalah inisiatif terbaik pihak korporat dalam menjayakan program tanggungjawab sosial mereka dengan menyediakan pendidikan berkualiti kepada generasi muda.

Sebagai usaha menggalakkan penyertaan bagi proses pemilihan, projek sekolah yang disenarai pendek akan dipaparkan pada laman Facebook 'Fuel Your School'dari 1 hingga 31 Mac, 2013.

Projek kemudian akan dianugerahkan secara berperingkat berdasarkan bilangan tertinggi "suka (likes)" Facebook yang diterima pada Hari Ganjaran.

Pembentangan untuk projek terpilih akan diperoleh daripada dana 'Fuel Your School', pengajur berjanji akan menyumbang RM1 bagi setiap pembelian petrol RM40 atau lebih di stesen minyak Caltex yang mengambil bahagian, sehingga RM120,000.

Orang ramai boleh menyumbang kepada projek sekolah pilihan dengan menderma secara dalam talian menerusi laman web www.mykasih.com atau menghantar e-mel kepada CaltexFYS@mykasih.com.